

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[ PADANG TERAP ]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan usaha yang telah dilaksanakan bagi menghalang diskriminasi terhadap minyak sawit oleh negara Kesatuan Eropah (EU) dan apakah langkah kontigensi yang sedang direncanakan oleh pihak Kementerian agar ia tidak melumpuhkan pasaran minyak sawit negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu pasukan khas yang dikenali sebagai *Palm Oil War Room* (POWR) telah ditubuhkan sejak Januari 2018. Pasukan khas ini bertanggungjawab merangka pelan strategik dan tindakan yang perlu diambil terhadap sebarang usaha untuk memburukkan imej dan mendiskriminasi minyak sawit Malaysia oleh negara-negara luar terutamanya Kesatuan Eropah (EU) serta membina naratif positif berhubung industri minyak sawit negara berdasarkan data-data saintifik yang tepat. Pasukan khas ini dianggotai oleh pegawai-pegawai pakar terutamanya dari sudut teknikal dan sains daripada Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian Industri Utama dan agensi dibawahnya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC).

Kerajaan juga melaksanakan rangkaian kerjasama melalui Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit - *Council of Palm Oil Producing Countries*

(CPOPC) yang turut dianggotai oleh Indonesia dan Colombia untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha untuk menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit. Melalui CPOPC, antara perkara yang dipersetujui termasuklah mempertimbangkan bantahan terhadap diskriminasi minyak sawit oleh EU melalui platform *World Trade Organisation* (WTO) dan seterusnya menyokong antara satu sama lain bagi sebarang usul berkenaan isu sawit yang dikemukakan oleh negara pengeluar minyak sawit.

Selain itu, Kerajaan juga bekerjasama dengan penyokong industri sawit negara di Kesatuan Eropah iaitu *Friends of Palm Oil* yang terdiri daripada Indonesia, Thailand, Peru, Colombia, Honduras, Costa Rica, Ecuador dan Guatemala serta *European Palm Oil Alliance* (EPOA), yang bertindak dalam membantu mempromosikan dan menangkis aktiviti kempen anti minyak sawit di Eropah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada 14 November 2018, EU telah mengemukakan resolusi yang mengaitkan penyahhutanan dan rantaian bekalan komoditi pertanian kepada *United Nations Environment Assembly* (UNEA). Secara dasarnya, Malaysia membantah dan menolak resolusi tersebut yang mendiskriminasi tanaman komoditi, terutamanya yang ditanam di negara tropika. Kementerian Industri Utama berpandangan bahawa resolusi ini merupakan usaha berterusan EU untuk mengaitkan tanaman kelapa sawit dengan imej yang negatif dan sebagai punca penyahhutanan.

Dalam hal ini, Kementerian telah menyediakan maklumat lengkap dan mendapatkan kerjasama daripada MESTECC untuk menyuarakan pendirian Malaysia dan bantahan ke atas resolusi tersebut semasa *4th UN Environment Assembly* (UNEA-4) di Nairobi, Kenya bersama-sama dengan negara Indonesia dan Brazil. Susulan daripada bantahan dan pendebatan mengenai resolusi tersebut, delegasi EU kemudiannya menarik balik cadangan resolusi tersebut pada 13 Mac 2019.

Bagi memastikan tindakan oleh EU tidak menjaskan pasaran minyak sawit negara, Kementerian terus menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara

pengimport utama produk-produk sawit serta meneroka pasaran-pasaran baharu.

Melalui usaha ini, prestasi eksport minyak sawit Malaysia telah meningkat sebanyak 10.5% daripada 2.72 juta tan bagi dua bulan pertama 2018, kepada 3.00 juta tan bagi tempoh yang sama bagi tahun 2019. Dalam tempoh masa tersebut, eksport minyak sawit Malaysia ke negara pengimport utama minyak sawit Malaysia iaitu India telah meningkat sebanyak 65.6%, manakala China 62.0% dan Amerika Syarikat 20.3%. Peningkatan juga dilihat berlaku di pasaran Kesatuan Eropah sebanyak 1.5%. Manakala pasaran-pasaran baharu yang berpotensi bagi minyak sawit Malaysia yang dikenal pasti adalah di benua Afrika khususnya negara Mesir dan Maghribi yang merupakan pintu kepada pasaran negara-negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah. Selain itu negara-negara di rantau Asia Tengah seperti Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan dan Tajikistan juga telah mula mengimpor produk minyak sawit dari Malaysia. Usaha-usaha untuk memupuk kerjasama di Turki, Sri Lanka dan Arab Saudi yang berpotensi untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit Malaysia juga dilaksanakan.

Pada masa yang sama, Kerajaan sedang mengkaji perlaksanaan kempen memboikot barang Kesatuan Eropah dari pelbagai sudut termasuk kesan dan implikasi perlaksanaan kempen tersebut terhadap negara secara keseluruhannya. Namun demikian, Kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk mempertimbangkan semula rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) di antara Kesatuan Eropah dan penentuan perolehan aset Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) daripada negara Kesatuan Eropah. Cadangan langkah ini adalah penting bagi menunjukkan ketidakpuasan negara terhadap tindakan sesetengah negara Kesatuan Eropah dan memastikan kepentingan perdagangan industri sawit negara terpelihara.

Sekian, terima kasih.